



PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI PERAK

Semua Agensi Kerajaan dan Syarikat Tempatan / Semua Individu & Rakan-Rakan / Semua Individu Perseorangan / Semua yang berkenaan.

PELANJUTAN TEMPOH NOTIS BORANG 5A DAN NOTIS BORANG 7G (KANUN TANAH NEGARA 1965) DI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

YBhg Dato' / Tuan / Puan,

Selaras dengan **Perintah Kawalan Pergerakan Covid-19**, dengan ini saya Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak bersetuju supaya semua Notis Borang 5A dan Notis Borang 7G (Kanun Tanah Negara 1965) di dalam Negeri Perak Darul Ridzuan yang telah/akan tamat tempoh dalam tempoh **18 Mac 2020 sehingga 30 April 2020**, **DILULUSKAN PELANJUTAN TEMPOH SEHINGGA 3 BULAN LAGI** dari tarikh akhir Notis Borang 5A dan Notis Borang 7G.

Surat rasmi kelulusan akan dikeluarkan melalui Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak atau Pejabat Tanah dan Daerah yang berkaitan selepas tamat tempoh **Perintah Kawalan Pergerakan Covid-19**.

Semua yang berkenaan seperti di atas sahaja adalah diluluskan secara automatik pelanjutan tempoh sehingga 3 bulan lagi, serta **dikecualikan** daripada bayaran permohonan rayuan sebanyak RM70.00.

Sekian, terima kasih.

YBHG. DATO' RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD DAUD
PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI PERAK
26 MAC 2020